

## **Saranan untuk Wisma Putra untuk menggerakkan pengundi pos luar negara sebelum pilihan raya akan datang.**

(Dikemas kini Mac 2023)

### **Latar belakang**

Kita telah melihat peningkatan ketara dalam bilangan pengundi luar negara selepas perubahan yang dibuat oleh SPR untuk Pilihanraya Umum ke 15 (PRU15), seperti:

- Pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR)
- Pengurangan had umur pengundi kepada dari 21 ke 18 (Undi 18)
- Pengenalan pendaftaran dalam talian di platform Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk pengundi luar negara
- Membolehkan rakyat Malaysia yang tinggal di Singapura, Thailand Selatan, Brunei, dan Kalimantan menyertai sistem undi pos luar negara.
- Pemansuhan syarat untuk warga Malaysia di luar negara berada di Malaysia selama 30 hari dalam tempoh lima tahun terakhir sebelum tarikh pendaftaran.

Dengan terjadinya, perubahan-perubahan dalam sistem pengundian seperti yang disebut di atas dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah rakyat Malaysia di luar negara yang berhak mengundi akan terus meningkat. Semasa PRU14, terdapat seramai 7,979 pemilih pos luar yang berdaftar, dan pada PRU15, jumlahnya melonjak kepada 48,109 pemilih luar negara berdaftar; ini menunjukkan peningkatan drastik iaitu sebanyak 603%.

Pelaksanaan Undi 18 dan Pendaftaran Pemilih Automatik (AVR) sahaja telah menyebabkan peningkatan 14.9 juta pada PRU14 kepada 21.1 juta Pengundi berdaftar di Malaysia. Sebilangan besar pengundi "baru" ini akan mengundi sebagai pengundi luar negara kelak.

Walaupun terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dapat dinafikan bahawa jumlah itu akan terus meningkat kerana, menurut Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi diaspora Malaysia telah mencapai 1,860,037 setakat 2020 dan akan bertambah pada masa akan datang.

Selain dari membantu warganegara Malaysia di luar negara, Perwakilan Luar Malaysia (MFM) harus memainkan peranan penting dalam membantu memastikan pengundi Malaysia di luar negara diberikan maklumat lengkap dan tepat mengenai Pilihan Raya Malaysia. Ini sekaligus dapat memastikan bahawa pengundi luar

negara dapat menyertai proses pengundian pos luar negara yang dilaksanakan dengan teratur and cekap .

### **Cadangan untuk pilihan raya akan datang**

#### **Penyebaran maklumat**

Kami mencadangkan Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) mengarahkan MFM supaya menyediakan maklumat yang terkini mengenai prosedur pengundian di luar negara dan perkara yang berkaitan dengannya sebelum menyalurkannya kepada pengundi luar negara . Maklumat tersebut boleh diperolehi daripada SPR.

MFM harus memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengakses maklumat terkini dan tepat dengan mudah mengenai proses pendaftaran di luar negara dan proses pengundian daripada MFM. Semua maklumat perlu dipaparkan di laman web Kementerian, di bawah bahagian khusus laman web untuk memastikan akses dan pemahaman yang mudah. Pautan kepada maklumat berkaitan dan borang pendaftaran pemilih dalam talian di laman web Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah dipaparkan. Walaupun rakyat Malaysia di luar negara masih memahami dan bertutur dalam bahasa kebangsaan, mereka tidak begitu mahir dengan perkembangan terkini bahasa ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan kekangan untuk menggunakan bahasa ini secara meluas di luar negara. Oleh yang demikian kami sarankan agar semua maklumat perlu disediakan dalam dwibahasa- Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

MFM hendaklah secara aktif memaklumkan dan mengingatkan rakyat Malaysia di luar negara mengenai tarikh-tarikh akhir penting. Ini boleh dikongsi di platform media sosial , diiklankan di kedutaan, dan/atau disebarkan melalui persatuan atau kelab Malaysia di negara tersebut.

Bagi memastikan ketepatan dalam penyebaran maklumat, Global Bersih mencadangkan agar penyebaran maklumat dipusatkan di portal Wisma Putra. Maklumat mengenai pengundian luar negara yang selalunya dikongsikan di papan pemuka portal hendaklah disusun di bawah bahagian khas di portal tersebut. Bahagian khas ini hendaklah dilabelkan dengan jelas and dipaparkan di laman utama supaya ia dapat dikenal pasti dengan segera sebagai sumber maklumat untuk pengundi luar negara. Contoh - Pengundi Pos Luar Negara / Mengundi dari Luar Negara. MFM di seluruh dunia harus mentautkan halaman mereka ke bahagian khas ini. Dengan cara ini, kita boleh memastikan bahawa semua MFM di seluruh dunia dapat memberikan maklumat yang tepat dan konsisten dengan serta-merta.

Bagi memastikan bahagian pengundian luar negara di portal itu memenuhi tujuannya, maklumat di bawah mesti dikemas kini di portal untuk dikongsi oleh semua MFM dalam BM dan Inggeris:

- Maklumat pendaftaran automatik untuk memaklumkan kepada rakyat Malaysia di luar negara bahawa mereka tidak perlu pergi ke kedutaan untuk mendaftar sebagai pengundi kali pertama.
- Peringatan mengenai - UNDI 18 untuk memaklumkan rakyat Malaysia di luar negara bahawa sesiapa yang berumur 18 tahun ke atas akan didaftarkan secara automatik.
- Menyediakan pautan untuk menyemak informasi status pengundian di laman web Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
- Panduan untuk membuka akaun pengguna di MySPR: Notis penting harus dipaparkan kerana ini adalah langkah pertama yang sangat penting untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara. Pendaftaran mungkin mengambil masa beberapa hari untuk diproses oleh SPR, oleh itu pengundi harus diingatkan untuk melakukannya lebih awal. Bahagian ini harus memberi panduan lengkap mengenai langkah-langkah untuk membuka akaun pengguna.
- Cara mendaftar sebagai pengundi pos luar negara: Sebaik sahaja pendaftaran pengundian pos luar negara dibuka, bahagian ini akan mempunyai panduan langkah-langkah untuk mendaftar sebagai pengundi pos luar negara.
- Soalan Lazim untuk pengundi pos luar negara: dikemas kini untuk menggambarkan situasi semasa seperti pilihan raya negeri atau pilihan raya umum. Global Bersih telah menyediakan Soalan Lazim PRU15 dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang telah digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia di luar negara.
- Cara mengundi dari luar negara: Kaedah pengundian untuk lima pilihanraya lepas (umum dan negeri) telah mengalami pelbagai perubahan. Halaman ini harus dikaitkan kepada panduan semasa yang disediakan oleh "EC" dan menyediakan terjemahan Bahasa Inggeris jika perlu.

Global Bersih juga mencadangkan pelantikan Pegawai Khas di setiap Perwakilan Luar Malaysia yang pakar dalam pengundian pos di luar negara untuk membimbing rakyat Malaysia di luar negara dan memastikan maklumat yang dikongsi adalah tepat.

### Mobilisasi Pengundi

Ramai ahli diaspora Malaysia bersemangat tinggi untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi tetapi kita telah melihat dari PRU14 dan PRU15 bahawa

mereka dihalang oleh pelbagai halangan termasuk kekurangan maklumat yang dikemas kini dan tepat. Justeru itu ada keperluan besar untuk usaha penggemblengan tenaga daripada semua pihak berkepentingan. Kami mencadangkan agar Wisma Putra mengarahkan MFM supaya rajin mendekati diaspora dan menggalakkan mereka mendaftar dan mengundi dalam pilihan raya. MFM boleh menyokong kempen media sosial yang menggalakkan pengundi luar negara mendaftar sebagai pengundi pos luar negara dan mengundi apabila tiba masanya. Global Bersih telah menjalankan kempen media sosial yang sangat berkesan untuk PRU 15 untuk menggerakkan diaspora dengan menyusun dan menyebarkan maklumat yang dikemas kini dan tepat. Global Bersih juga telah memberikan keutamaan untuk mengurangkan penyebaran maklumat palsu yang mengelirukan pengundi luar negara.

MFM juga boleh menggalakkan lebih banyak perbincangan di kalangan diaspora mengenai hal-hal pilihanraya, cth. menganjurkan atau mengambil bahagian dalam seminar, webinar atau berbincang mengenai tema tersebut dalam majlis-majlis anjuran MFM

Kelab Malaysia adalah platform yang sangat berkesan untuk menyebarkan kepentingan menyertai sistem pengundian. MFM boleh menggalakkan dan menyokong acara bertema demokrasi dan pilihanraya dengan kelab Malaysia, seperti ceramah dalam talian dan webinar.

MFM mesti mengambil pendekatan neutral dan tidak memihak kepada mana mana gerakan politik dalam mobilisasi pengundi luar negara. Ini adalah faktor yang sangat penting dalam mendekati diaspora dan memastikan wujud kepercayaan antara diaspora dan MFM. MFM juga boleh bekerjasama dengan NGO bukan partisan seperti Global Bersih untuk pendekatan non-partisan yang amat penting dalam gerak kerja ini. Semasa PRU15, Global Bersih telah melaksanakan kempen mobilisasi yang berkesan dengan menggunakan laman web SPR sebagai sumber utama dan sumber lain daripada penyelidikan dan rangkaian kami dengan NGO tempatan untuk menyebarkan maklumat yang sahih dan tepat pada masanya.

Terdapat juga keperluan untuk mendekati pelajar Malaysia di luar negara secara khusus, kerana penurunan umur mengundi menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pengundi muda. MFM boleh bekerjasama dengan JPA dan MARA untuk memastikan pelajar-pelajar ini digerakkan untuk mengundi. Adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang positif dan mengelakkan perasaan tidak selesa atau takut dikalangan pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pengundian dan demokrasi.

## **Kesimpulan**

MFM perlu memainkan peranan aktif dalam menggerakkan dan mendidik diaspora untuk mengambil bahagian dalam proses pilihanraya.

Global Bersih boleh membantu MFM dengan cara berikut:

- Menyediakan bahan untuk digunakan oleh MFM di platform media sosial dan melibatkan MFM dalam kempen mobilisasi pengundi di seluruh dunia yang berterusan kerana kami adalah sebahagian daripada diaspora dan boleh mengenal pasti keperluan masyarakat Malaysia di luar negara.
- Membantu MFM dalam menyebarkan maklumat di kalangan diaspora melalui acara, media sosial dan saluran komunikasi lain.

Global Bersih bersedia untuk berkomunikasi dengan lanjut mengenai perkara ini dan untuk bekerjasama dengan pihak MFM untuk memastikan diaspora kita akan berpeluang untuk mengundi secara efektif.

Laporan Pemerhatian PRU15 oleh Bersih baru-baru ini (dikeluarkan 10 Mac 2023) juga menggambarkan bahawa semua cadangan yang telah dikemukakan oleh Global Bersih sejak beberapa tahun kebelakangan ini perlu dilaksanakan untuk memastikan sistem undi pos luar negara yang lebih berkesan.

Mobilisasi diaspora dan memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengundi adalah selaras dengan idea masyarakat inklusif dan menghormati semua lapisan masyarakat, yang merupakan nilai teras Madani - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Nilai teras ini boleh diperkukuh dengan melibatkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara dan menggalakkan mereka menyumbang kepada pembangunan. Memastikan bahawa hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara terpelihara adalah langkah positif ke arah ini.

Global Bersih adalah sebuah gerakan antarabangsa rakyat Malaysia di luar negara yang diwujudkan untuk menyokong kerja masyarakat sivil Malaysia dan mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang, menggunakan cara dan tindakan yang aman dan mengikut undang-undang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Global Bersih

15 Cours des Bastions

CH-1205

Geneva, Switzerland

[www.globalbersih.org](http://www.globalbersih.org)

[facebook.com/GlobalBersih](https://facebook.com/GlobalBersih)  
[twitter.com/GlobalBersih](https://twitter.com/GlobalBersih)  
[tiktok.com/@globalbersih](https://tiktok.com/@globalbersih)  
[instagram.com/global\\_bersih](https://instagram.com/global_bersih)